



PROGRESSIVE INSURANCE BHD (19002-P)



Progressive
SMARTMediflex (BM)

Manfaat Progressive SMARTMediflex

Pelan M200 Pelan M250 Pelan M350 Pelan M450 Pelan M650
 RM RM RM RM RM

Had Tahunan Keseluruhan	80,000	100,000	150,000	250,000	350,000
Had Sepanjang Hayat	300,000	400,000	500,000	800,000	1,000,000
Potongan Manfaat Pilihan	2,500	2,500	3,000	3,000	3,000

PERKHIDMATAN HOSPITAL

Bilik dan Penginapan Hospital (maksima 365 hari)	200	250	350	450	650
Unit Rawatan Rapi (Maksima 50 hari)			Seperti Bayaran Yang Dikenakan		
Cukai Barangan dan Perkhidmatan			6%		
Elaun Tunai Hospital Kerajaan (maksima 365 hari)	150	150	150	150	150
Perkhidmatan & Bekalan Perubatan Hospital			Seperti Bayaran Yang Dikenakan		
Manfaat Penginapan	200	200	200	200	200

PERKHIDMATAN SEBELUM & SELEPAS PENGHOSPITALAN

Rundingan Pakar Pra-Pembedahan / Pra-Penghospitalan (90 hari sebelum penghospitalan)					
Ujian Diagnostik Sinar-X dan Makmal Pra-Penghospitalan (90 hari sebelum penghospitalan)					
Rawatan Susulan Selepas Penghospitalan (90 hari selepas discaj hospital)					
Rawatan Susulan Fisioterapi Pesakit Luar (90 hari selepas discaj hospital)				Seperti Bayaran Yang Dikenakan	
Perkhidmatan Ambulan					
Rawatan Kecemasan Pesakit Luar Bagi Kecederaan Akibat Kemalangan (Rawatan susulan 30 hari)					
Rawatan Kecemasan Penyakit bagi Pesakit Luar (12am - 6am, had setahun)	250	250	250	250	250
Rawatan Kecemasan Pergigian bagi Kecederaan Akibat Kemalangan (dalam masa 24 jam dari pada waktu berlakunya kemalangan & termasuk rawatan susulan 14 hari)				Seperti Bayaran Yang Dikenakan	

YURAN & PERKHIDMATAN PAKAR PERUBATAN

Lawatan Wad Pakar Perubatan dalam Hospital (maksima 365 hari)					
Yuran Pakar Bedah (Termasuk rawatan susulan 60 hari, tertakluk kepada Jadual 13)					
Pembedahan Pesakit Luar (Rawatan susulan 30 hari)					
Rundingan Pendapat Kedua Pakar Bedah sebelum Pembedahan (dalam 60 hari)				Seperti Bayaran Yang Dikenakan	
Yuran Pakar Bius (Tertakluk kepada Jadual 13)					
Yuran Bilik Bedah (Tertakluk kepada Jadual 13)					
Laporan Perubatan	100	100	100	100	100
Rawatan Perubatan Tradisional (Untuk Rawatan Kecederaan Akibat Kemalangan)	1,000	1,000	1,000	1,000	1,000

MANFAAT PENYAKIT UTAMA

Transplan Organ (Had seumur hidup)	20,000	30,000	35,000	50,000	60,000
Had Setahun Rawatan Kanser Pesakit Luar	12,000	12,000	15,000	15,000	15,000
Had Setahun Dialisis Buah Pinggang Pesakit Luar	12,000	12,000	15,000	15,000	15,000

MANFAAT KEMALANGAN INDIVIDU

Manfaat Kematian Akibat Kemalangan	10,000	15,000	15,000	15,000	15,000
------------------------------------	--------	--------	--------	--------	--------



APAKAH SMARTMediflex?



Progressive **SMARTMediflex** menyediakan perlindungan insurans hospital & pembedahan yang komprehensif, dengan ciri-ciri pembaharuan yang menarik. Ia memberi pilihan untuk gaya hidup yang lebih sihat dan aktif di tangan anda dengan penggunaan peranti dan aplikasi pintar.

PREMIUM UNTUK PERLINDUNGAN TANPA POTONGAN MANFAAT PILIHAN

UMUR / PELAN	Pelan M200	Pelan M250	Pelan M350	Pelan M450	Pelan M650
Potongan Manfaat	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada
Pembayaran Bersama apabila menaik taraf bilik	20%	20%	20%	20%	20%
19 - 30	700	844	1,127	1,470	2,003
31 - 40	883	1,072	1,442	1,892	2,590
41 - 50	1,125	1,373	1,859	2,449	3,366
51 - 60	1,444	1,770	2,409	3,184	4,389
61 - 65	2,122	2,613	3,577	4,746	6,563
66 - 70	2,718	3,355	4,604	6,119	8,475
71 - 75	3,485	4,309	5,925	7,886	10,934
76 - 80	4,488	5,557	7,654	10,198	14,153
Umur 15 hari sehingga 12 tahun	481	553	695	866	1,133
Umur 13 sehingga 18 tahun	393	443	542	662	849

PREMIUM UNTUK PERLINDUNGAN DENGAN POTONGAN MANFAAT PILIHAN

UMUR / PELAN	Pelan M200	Pelan M250	Pelan M350	Pelan M450	Pelan M650
Potongan Manfaat	2,500	2,500	3,000	3,000	3,000
Pembayaran Bersama apabila menaik taraf bilik	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada
19 - 30	580	693	916	1,186	1,606
31 - 40	726	874	1,166	1,521	2,070
41 - 50	919	1,113	1,496	1,962	2,683
51 - 60	1,173	1,428	1,932	2,543	3,492
61 - 65	1,713	2,097	2,858	3,780	5,210
66 - 70	2,188	2,686	3,672	4,867	6,721
71 - 75	2,799	3,443	4,719	6,266	8,664
76 - 80	3,598	4,434	6,089	8,096	11,208
Umur 15 hari sehingga 12 tahun	421	478	589	725	934
Umur 13 sehingga 18 tahun	351	390	468	563	710

*Diskaun keluarga sebanyak 10% akan diberikan kepada mereka yang menginsuranskan empat atau lebih ahli keluarga dalam satu polisi.

CIRI-CIRI PRODUK

Ciri-ciri istimewa Progressive **SMARTMediflex**:

- Potongan Manfaat Pilihan**
Anda akan membayar premium yang lebih rendah apabila anda memilih Perlindungan dengan Potongan Manfaat Pilihan. Potongan Manfaat Pilihan adalah jumlah perbelanjaan perubatan yang anda akan tanggung sebelum menuntut manfaat. Dengan Potongan Manfaat Pilihan, anda boleh mendapat penjimatan premium sebanyak 20% atau lebih setiap tahun.
- Modul SMART untuk Gaya Hidup Sihat dan Kesedaran Kesihatan yang Berpadanan**
Dengan penggunaan peranti pintar dan aplikasi mudah alih **SMART**, kami menyediakan pilihan gaya hidup yang lebih sihat dan lebih aktif di tangan anda.
- Manfaat Bilik & Penginapan Hospital**
Manfaat Bilik & Penginapan Hospital dibayar sehingga 365 hari setahun.
- Lawatan Wad Pakar Perubatan dalam Hospital**
Yuran Pakar Perubatan untuk lawatan wad dibayar sehingga 365 hari setahun.
- Rawatan Perubatan Tradisional**
Rawatan Perubatan Tradisional yang disediakan oleh pengamal perubatan tradisional berdaftar untuk rawatan pesakit luar bagi kecederaan yang disebabkan kemalangan.

CIRI-CIRI PEMBAHARUAN POLISI

- Boleh Diperbaharui Setiap Tahun**
Polisi ini boleh diperbaharui setiap tahun. Premium produk ini dinilai setiap 10 tahun dan premium anda akan dikira mengikut umur anda pada hari jadi yang berikutnya.
- flex secara automatik sebanyak RM5,000 semasa Pembaharuan Polisi**
Had Tahunan Keseluruhan anda akan dinaikkan sebanyak RM5,000 semasa pembaharuan polisi apabila polisi diperbaharui dengan tiada tuntutan manfaat.

Jenis Pelan	Had Tahunan Keseluruhan Asal	Selepas perlindungan untuk 12 bulan berturutan tanpa sebarang tuntutan	Selepas perlindungan untuk 24 bulan berturutan tanpa sebarang tuntutan	Selepas perlindungan untuk 36 bulan berturutan tanpa sebarang tuntutan
M200	80,000	85,000	90,000	95,000
M250	100,000	105,000	110,000	115,000
M350	150,000	155,000	160,000	165,000
M450	250,000	255,000	260,000	265,000
M650	350,000	355,000	360,000	365,000

Jika anda membuat tuntutan selepas manfaat ini telah meningkat, kami akan menetapkan semula Had Tahunan Keseluruhan anda dan mengumpul semula manfaat ini dari amaun asalnya. Termasuk **flex** secara automatik ini akan diterima pakai sehingga tempoh maksima 3 tahun berturut-turut.

- Kami akan meningkatkan Manfaat Kematian Akibat Kemalangan anda sebanyak RM5,000 semasa pembaharuan polisi kali ke-4, tanpa mengambil kira sama ada tuntutan telah dibuat dalam tahun-tahun sebelumnya:

Jenis Pelan	Manfaat Kematian Akibat Kemalangan	Semasa Pembaharuan Polisi Kali ke-4	Semasa Pembaharuan Polisi Kali ke-5	Semasa Pembaharuan Polisi Kali ke-6
M200	10,000	15,000	20,000	25,000
M250	15,000	20,000	25,000	30,000
M350	15,000	20,000	25,000	30,000
M450	15,000	20,000	25,000	30,000
M650	15,000	20,000	25,000	30,000

- Pembaharuan Polisi Dijamin**

Pembaharuan Polisi anda tidak akan ditolak walaupun anda telah menuntut manfaat. Namun, kadar premium pembaharuan polisi akan dikaji semula berdasarkan tuntutan tahun sebelumnya, jika ada.

SOALAN-SOALAN LAZIM

a. Berapakah kelayakan umur untuk membeli Progressive SMARTMediflex?

Kanak-kanak boleh dilindungi dari umur 15 hari sehingga 19 tahun. Jika mereka berdaftar di institusi pengajian tinggi tempatan, kami akan melindungi mereka sehingga umur 23 tahun.

Orang Dewasa hendaklah diinsuranskan sebelum umur 65 tahun dan polisi anda boleh diperbaharui sehingga umur 80 tahun.

b. Apakah kelebihannya jika saya beralih polisi perlindungan saya kepada Syarikat anda?

Jika anda pemegang polisi yang masih aktif dan memohon untuk beralih kepada Syarikat kami sebelum tamat tempoh polisi tersebut, kami akan mengecualikan ketiga-tiga syarat khas yang biasanya dipakai untuk polisi baharu. 3 syarat khas tersebut adalah:

- Tempoh menunggu untuk tuntutan perubatan selama 30 hari.
- 120 hari bagi Penyakit yang Tertentu.
- Penyakit yang Sedia Ada.

c. Adakah kadar premium produk ini terjamin?

Jumlah premium untuk dibayar mungkin akan bertukar semasa pembaharuan polisi. Namun sekiranya terdapat pertukaran premium, kami akan memaklumkan anda secara bertulis 1 bulan sebelum tarikh tamat tempoh polisi.

d. Berapakah bayaran premium yang saya perlu bayar?

Sila rujuk kepada risalah untuk maklumat lanjut. Jumlah penuh yang perlu anda bayar mungkin berbeza-beza bergantung kepada keperluan proses penilaian risiko oleh Syarikat. Premium yang perlu dibayar mungkin akan dinilai balik, bergantung kepada umur dan sekiranya ada pertukaran dalam keadaan kesihatan anda.

e. Adakah Pembaharuan Polisi ini Dijaminkan?

Pembaharuan Polisi anda tidak akan ditolak walaupun anda telah menuntut manfaat. Pembaharuan polisi adalah menurut pilihan anda sehingga mana-mana perkara seperti berikut berlaku:

- Jika sebarang premium polisi tersebut tidak dibayar apabila tamat Tempoh Penanganuhan;
- Jika Polisi tersebut telah tamat tempohnya, atau telah dibatalkan;
- Pemegang polisi menamatkan polisi melalui permintaan bertulis;
- Apabila Orang yang Diinsurangkan tidak lagi layak sebagai dependen berdasarkan definisi polisi;
- Apabila Orang yang Diinsurangkan mencapai had umur maksima seperti yang ditakrifkan dalam polisi;
- Orang yang Diinsurangkan meninggal dunia;
- Jumlah tuntutan polisi telah mencapai atau melebihi Had Seumur Hidup;
- Penamatkan perlindungan untuk produk ini di pasaran tertentu.

f. Adakah saya akan mendapat kad perubatan?

Ya, kami menyediakan kad perubatan untuk setiap orang yang namanya telah diinsuranskan di dalam polisi. Kad ini akan membantu anda untuk masuk ke hospital panel kami, dan kami akan melindungi perbelanjaan perubatan yang layak dituntut di bawah polisi ini.

Anda perlu membayar kepada hospital semua perbelanjaan bukan perubatan atau yang tidak dilindungi sebelum anda keluar hospital.

g. Adakah polisi ini tertakluk kepada Pengecualian?

Sila rujuk kepada Klausus Pengecualian di dalam Polisi.

h. Apakah Amaun Potongan Manfaat?

Amaun Potongan Manfaat adalah jumlah perbelanjaan perubatan yang anda akan tanggung bersama sebelum anda menuntut manfaat dari polisi insurans anda.

i. Apakah Pembayaran Bersama?

Pembayaran Bersama hanya akan dikenakan sekiranya anda dimasukkan ke bilik hospital yang lebih mahal daripada perlindungan yang ditetapkan oleh insurans anda.

Pembayaran Bersama hanya akan terpakai kepada manfaat yang dibayar "Seperti Bayaran Yang Dikenakan".

Sekiranya anda telah memilih pelan yang melibatkan Potongan Manfaat, klausus Pembayaran Bersama tidak akan diguna pakai.

MANFAAT

1. Had Tahunan Keseluruhan adalah had maksima manfaat yang boleh dituntut dalam setahun.
2. Had Sepanjang Hayat adalah manfaat maksima yang boleh dibayar semasa anda di insuranskan oleh polisi ini. Ia juga merupakan pengumpulan semua manfaat yang boleh dituntut sepanjang tahun-tahun yang anda di insuranskan di bawah polisi ini.
3. Amaun Potongan Manfaat, jika berkenaan, adalah jumlah tuntutan yang anda perlu tanggung untuk setiap kemasukan hospital, sebelum sebarang manfaat dibayar di bawah polisi ini.
4. Bilik & Penginapan Hospital adalah pembayaran untuk wad hospital yang dikenakan.
5. Unit Rawatan Rapi adalah pembayaran untuk penggunaan wad penjagaan rapi hospital.
6. Cukai Barang & Perkhidmatan adalah GST sebanyak 6% yang dikenakan ke atas perbelanjaan perubatan yang layak dituntut.
7. Elaun Tunai Hospital Kerajaan dibayar setiap hari lengkap anda dimasukkan ke Hospital Kerajaan Malaysia.
8. Perkhidmatan & Bekalan Perubatan Hospital membayar untuk kejururawatan umum, ubat-ubatan dan dadah yang dipreskripsi dan dimakan, pembalut, tuap, acuan lepa, Sinar-X, ujian makmal, ECG, fisioterapi, ujian metabolisme basal, suntikan intravena dan rumusan, pemberian darah dan plasma darah, tetapi tidak termasuk kos darah dan plasma darah.
9. Manfaat Penginapan adalah pembayaran untuk makanan harian dan penginapan untuk ibu bapa atau penjaga Orang yang Diinsuranskan, yang berumur di bawah 15 tahun yang dimasukkan ke hospital.
10. Rundingan Pakar Pra-Pembedahan / Pra-Penghospitalan adalah pembayaran untuk yuran rundingan pertama oleh Pakar Perubatan sebelum kemasukan hospital.
11. Ujian Diagnostik Sinar-X dan Makmal Pra-Penghospitalan adalah pembayaran untuk ECG, Sinar-X, dan ujian makmal yang dilakukan untuk tujuan mendiagnosis kecederaan atau penyakit, sebelum dimasukkan ke hospital.
12. Rawatan Susulan Selepas Penghospitalan adalah pembayaran untuk rundingan susulan oleh doktor merawat yang sama, sebaik sahaja keluar dari hospital, bagi penyakit yang tidak melibatkan pembedahan.
13. Rawatan Susulan Fisioterapi Pesakit Luar adalah pembayaran untuk fisioterapi bagi keadaan yang dilindungi dan yang dipreskripsi oleh doktor yang merawat sebaik sahaja keluar dari hospital sebagai terapi lanjutan bagi rawatan yang melibatkan pembedahan.
14. Perkhidmatan Ambulan adalah pembayaran untuk perkhidmatan ambulan darat, termasuk yuran atendan, untuk menghantar Orang yang Diinsuranskan ke dan/atau dari hospital.
15. Rawatan Kecemasan Pesakit Luar Bagi Kecederaan Akibat Kemalangan adalah pembayaran untuk rawatan kecederaan sebagai pesakit luar kepada Orang yang Diinsuranskan di mana-mana klinik atau hospital berdaftar, dalam masa 24 jam dari kemalangan tersebut.
16. Rawatan Kecemasan Penyakit bagi Pesakit Luar adalah pembayaran untuk rawatan pada Orang yang Diinsuranskan sebagai pesakit luar di klinik perkhidmatan 24 jam berdaftar atau jabatan kecemasan hospital, untuk keadaan kecemasan yang mengancam nyawa, yang memerlukan rawatan segera.
17. Rawatan Kecemasan Pergigian bagi Kecederaan Akibat Kemalangan adalah pembayaran untuk rawatan kepada gigi asli yang cedera akibat kemalangan, dan rawatan hendaklah diterima sebagai pesakit luar dalam tempoh 24 jam dari kemalangan tersebut.
18. Lawatan Wad Pakar Perubatan dalam Hospital adalah pembayaran Doktor yang Merawat untuk lawatan di wad hospital, bagi pesakit yang penyakitnya tidak melibatkan pembedahan. Lawatan dengan kekerapan maksima dua kali sehari akan dibayar tanpa mengambil kira bilangan doktor yang melawat di wad tersebut.
19. Yuran Pakar Bedah adalah pembayaran yuran pembedahan yang dikenakan oleh pakar bedah, termasuk caj untuk penilaian pra-pembedahan, lawatan wad di hospital, dan rundingan susulan selepas pembedahan.

20. Pembedahan Pesakit Luar adalah pembayaran untuk prosedur pembedahan yang dilakukan di hospital atau pusat pembedahan pesakit luar yang memerlukan kemudahan pemulihan, tetapi tanpa bermalam di hospital atau pusat pembedahan pesakit luar.
21. Rundingan Pendapat Kedua Pakar Bedah sebelum Pembedahan adalah pembayaran untuk kos rundingan pendapat pakar pembedahan yang kedua, selepas Orang yang Diinsuranskan didiagnos dengan penyakit yang memerlukan pembedahan. Bayaran tidak akan diluluskan untuk rawatan klinikal, termasuk untuk ubat-ubatan atau perundingan berikutnya selepas penyakit itu didiagnos dan di mana ia tidak mengakibatkan kemasukan hospital untuk pembedahan.
22. Yuran Pakar Bius adalah pembayaran untuk Pakar Bius untuk mengendalikan ubat bius.
23. Yuran Bilik Bedah adalah pembayaran untuk menggunakan dewan bedah atau bilik bedah.
24. Yuran Laporan Perubatan adalah pembayaran yang dikenakan oleh Doktor atau Pakar Bedah Yang Merawat untuk mengemaskinikan laporan perubatan.
25. Rawatan Perubatan Tradisional adalah pembayaran untuk rawatan pesakit luar untuk kecederaan akibat kemalangan, oleh seorang pengamal perubatan tradisional yang berdaftar.
26. Transplan Organ (had seumur hidup) membayar untuk pembedahan pemindahan organ untuk Orang yang Diinsuranskan sebagai penerima transplan buah pinggang, jantung, paru-paru, hati atau sumsum tulang.
27. Had Setahun Rawatan Kanser Pesakit Luar adalah pembayaran untuk radioterapi atau kemoterapi untuk rawatan kanser untuk Orang yang Diinsuranskan, sebagai pesakit luar di pusat rawatan kanser berdaftar atau di hospital. Manfaat ini tidak akan dibayar di mana anda telah didiagnos sebagai pesakit kanser dan/atau sedang menerima rawatan kanser sebelum tarikh polisi ini berkuatkuasa.
28. Had Setahun Dialisis Buah Pinggang Pesakit Luar adalah pembayaran untuk dialisis buah pinggang sebagai pesakit luar di pusat dialisis berdaftar atau di hospital. Manfaat ini tidak akan dibayar jika anda telah didiagnos sebagai pengidap penyakit buah pinggang dan/atau sedang menerima rawatan dialisis sebelum tarikh polisi ini berkuatkuasa.
29. Manfaat Kematian Akibat Kemalangan adalah pembayaran yang dibayar sekiranya berlaku kematian Orang yang Diinsuranskan akibat kecederaan daripada kemalangan yang berlaku dalam jangka masa polisi.

PENGECUALIAN

Pengecualian utama polisi adalah yang disenaraikan di bawah. Untuk senarai Pengecualian yang penuh, sila rujuk kepada polisi.

1. Penyakit sedia ada, tempoh menunggu 30 hari untuk perlindungan rawatan perubatan, dan penyakit tertentu dalam masa 120 hari dari tarikh permulaan atau pengembalian semula perlindungan.
2. Kecederaan yang disengajakan oleh diri sendiri, atau bunuh diri, atau percubaan membunuh diri, semasa siuman atau tidak siuman.
3. Penyalahgunaan dadah, ketagihan dari penyalahgunaan bahan, atau semasa di bawah pengaruh alkohol.
4. Peperangan, yang diisyiharkan atau yang tidak diisyiharkan, ancaman pengganas atau penjenayah, bertugas dalam mana-mana angkatan bersenjata, penyertaan secara langsung dalam aktiviti bermogok, rusuhan awam atau pemberontakan, dan kerja-kerja haram.
5. Radiasi pengionan atau pencemaran melalui radioaktiviti dari mana-mana bahan api nuklear atau sisa nuklear.
6. Pelbagai jenis aktiviti perlumbaan (kecuali perlumbaan melibatkan kaki), sukan berbahaya seperti terjun dari udara, sukan musim sejuk, dan sukan profesional.
7. Penyertaan dalam apa juu bentuk dalam aktiviti penerbangan (kecuali sebagai penumpang yang membayar tambang atau anak kapal yang di dalam penerbangan biasa yang dikendalikan oleh syarikat penerbangan komersial yang berlesen untuk mengangkut penumpang melalui laluan yang ditetapkan), atau sukan melalui udara seperti terjun payah (*skydiving*), payung terjun (*parachuting*), terjun lelabah (*bungee jumping*), peluncuran tangan (*hand gliding*) atau menaiki belon udara panas.

PENGECUALIAN (sambungan)

8. Pembedahan plastik/kosmetik, berkhatan atau pembedahan mana-mana bahagian kulup, pemeriksaan mata dan pembedahan untuk memulihkan penglihatan, termasuk penglihatan dekat, penglihatan jauh, atau astigmatisme, Keratotomi Radial atau cermin mata Lasik, kanta dua fokus atau kanta sentuh.
9. Penggunaan atau pemerolehan perkakas atau alat prostetik luaran seperti tongkat, anggota palsu, penyambungan anggota luaran, alat pendengaran, alat bantu pendengaran koklea, perentak yang diimplan, defibrilator jantung buatan (ICD) yang boleh diimplan dan implan koklear.
10. Rawatan berkaitan impoten, pemandulan, ketidaksuburan, disfungsi erektil dan apa-apa komplikasi yang berkaitan.
11. Perkara yang berkaitan dengan pergigian termasuk rawatan pergigian oleh doktor gigi, atau pembedahan mulut kecuali apabila diperlukan kerana kecederaan akibat kemalangan pada gigi asli yang sihat yang berlaku sepenuhnya dalam Tempoh Insurans.
12. Penjagaan peribadi, perkhidmatan jururawat tanpa masuk hospital, rehat pulih atau jagaan kebersihan, jagaan hospis, dan jagaan atau rawatan yang tidak membawa kepada pemulihian kesihatan, pemulihian keadaan atau pemulihian anda kepada keadaan kesihatan asal anda.
13. Penyakit venereal dan sekuelanya, AIDS (Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit) atau ARC (Kompleks Berkaitan AIDS) dan penyakit berkaitan HIV, dan apa-apa penyakit berjangkit yang memerlukan kuarantine oleh undang-undang.
14. Penyakit / kelainan kongenital dan kecacatan termasuk penyakit keturunan dan penyakit yang melibatkan perkembangan mental dan fizikal.
15. Kehamilan, atau keaadan yang berkaitan dengan kehamilan, termasuk bersalin.
16. Gangguan mental atau gangguan perasaan (termasuk apa-apa psikosis, neurosis dan manifestasi fisiologi atau psikosomatiknya).
17. Penghospitalan untuk tujuan penyiasatan rutin, pemeriksaan, diagnosis, sinar-X, imbasan, pemeriksaan fizikal atau perubatan am yang tidak berkaitan dengan rawatan.
18. Rawatan khusus untuk mengurangkan atau menaikkan berat badan, atau pembedahan bariatrik.
19. Menderma mana-mana anggota tubuh, atau organ oleh Orang yang Diinsuranskan dan pertukaran jantina.
20. Penyiasatan dan rawatan gangguan tidur dan berdengkur, hiperhidrosis, terapi penggantian hormon, terapi sel stem (kecuali untuk gangguan darah hematopoietic), dan terapi alternatif, atau rawatan bersifat percubaan, penyiasatan, atau penyelidikan.
21. Penjagaan atau rawatan di mana bayaran tidak diperlukan atau di mana ia telah dibiayai oleh sumber lain, termasuk insurans.
22. Perbelanjaan yang tidak berkaitan langsung dengan rawatan perubatan dan/atau bukan berupa barang perubatan.
23. Terapi alternatif, termasuk tetapi tidak terhad kepada perkhidmatan kiropraktik, akupunktur, akutekanan, refleksologi, pengikatan tulang, rawatan pakar herba, terapi oksigen hiperbarik, urutan atau terapi aroma atau rawatan alternatif yang lain.

NOTA: Risalah ini hanya mengandungi maklumat ringkas mengenai produk Progressive **SMARTMediflex**. Ia bukan perjanjian polisi. Untuk mendapat butir-butir lengkap mengenai keterangan terma dan syarat dan pengecualian, sila rujuk kepada polisi rasmi yang dikeluarkan oleh Progressive Insurance Bhd.

Sekiranya terdapat sebarang peranggahan penerangan antara kandungan risalah Bahasa Inggeris dengan risalah Bahasa Malaysia, penerangan risalah Bahasa Inggeris akan diguna pakai.



Agent stamp



PROGRESSIVE INSURANCE BHD (19002-P)

Ibu Pejabat

- 📍 6th, 9th & 10th Floor, Menara Cosway, Plaza Berjaya,
No.12, Jalan Imbi, 55100 Kuala Lumpur.
📞 (+6) 03 2118 8000
📠 (+6) 03 2118 8098
🌐 www.progressiveinsurance.com.my

Kota Kinabalu

- 📍 Ground & 7th Floor, Wisma Perkasa, Jalan Gaya,
P.O. Box 13936, 88845 Kota Kinabalu, Sabah.
📞 (+6) 088 244 216
📠 (+6) 088 218 004

Kuching

- 📍 Sublot 11 & 12, Lots 9966 & 9967, First Floor,
Premier 101, Jalan Tun Jugah, 93350 Kuching,
P.O. Box 2749, 93754 Kuching, Sarawak.
📞 (+6) 082 572 019 / 030 / 031
📠 (+6) 082 572 013

Sandakan

- 📍 1st Floor, Lot 1, Block 3, Bandar Indah, Mile 4,
North Road, 90000 Sandakan, Sabah.
📞 (+6) 089 238 810
📠 (+6) 089 237 709

Butterworth

- 📍 2755, Ground & 1st Floor, Jalan Chain Ferry,
Taman Inderawasih, 13600 Prai, Seberang Prai Tengah, Penang.
📞 (+6) 04 397 7128
📠 (+6) 04 397 7126

Johor Bahru

- 📍 No. 17-01, Jalan Kebun Teh 1, Pusat Perdagangan Kebun Teh,
80250 Johor Bahru, Johor.
📞 (+6) 07 227 0991 / 992
📠 (+6) 07 227 0996

Melaka

- 📍 13-A, Jalan Melaka Raya 24,
Taman Melaka Raya, 75000 Melaka.
📞 (+6) 06 288 3831
📠 (+6) 06 288 3832